

**UCAPAN TAN SRI OMAR MOHD HASHIM, PENERUS JAWATANKUASA EKSEKUTIF
PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA PADA MAJLIS PENGANUGERAHAN PINGAT EMAS PSM
DI DEWAN AMINUDDIN BAKI, WISMA SEJARAH, KUALA LUMPUR, - 5 Disember 2015 –**

Assalamu'alaikum WBT.

Yang Berusaha Pengerusi Majlis,

Yang Berbahagia Tan Sri Elyas Omar, Mantan Datuk Bandar Kuala Lumpur.

Yang Amat Berbahagia Tun Abdullah Ayub dan Toh Puan,

Yang Dihormati Tan Sri - Tan Sri, Dato'-Dato', Ahli Majlis, Ahli Jawatankuasa Eksekutif PSM, Jawatankuasa Kerja dan Ahli PSM Cawangan dan Kawasan.

Para hadirin yang dihormati sekalian.

Saya mengucapkan terima kasih khususnya kepada sahabat karib saya, Tan Sri Elyas Omar yang memuliakan majlis kita pada pagi ini.

1. Majlis pada pagi ini mempunyai dua tujuan. Pertamanya untuk menganugerahkan Pingat Emas PSM kepada para graduan yang mencapai tahap paling cemerlang dalam bidang pengajian sejarah di 5 buah universiti tempatan. Bermula pada tahun 1998, hingga sekarang sudah ada 5 univerti mengambil bahagian. Dan pagi ini 5 lagi siswazah akan menerima Pingat Emas PSM daripada Tan Sri Elyas Omar. Mereka ialah:
 - i. IDA SHAHIRA MD NADZIR
(Universiti Malaya)
 - ii. MOHD SHAZWAN MOKHTAR
(Universiti Kebangsaan Malaysia)
 - iii. MUHAMAD SAIFUDDIN BIN MOHD YUSOFF
(Universiti Sains Malaysia)
 - iv. MOHAMAD HUSAIRI HANAFI
(Universiti Pendidikan Sultan Idris)
 - v. MARIANNE ANAK MIGA
(Universiti Malaysia Sabah)
2. Harapan PSM ialah, hadiah yang kecil ini akan dapat menyuntik semangat kepada para sejarawan muda untuk mencebur diri dalam kajian dan penyelidikan sejarah bangsa, dan dengan demikian dapat mempertingkatkan kesedaran masyarakat tentang pentingnya ilmu sebagai cerminan pengenalan diri dan identiti bangsa.
3. Dalam lawatan saya ke Filipina baru-baru ini saya amat teruja dengan status sejarah dan sains sosial dihayati dalam kalangan profesor, mahasiswa dan masyarakat. Sejarah, khasnya sejarah perjuangan bangsa dan tokoh seperti Jose Rizal dan Bonifacio dan lain-lain disanjung dan dijadikan ikon dan penyuluh hidup masyarakat.

4. Kita sudah ketinggalan dalam hal ini. Kita menjuarai bidang sains dan teknologi tetapi mengabaikan soal pembangunan bangsa dan patriotisme yang dapat dipupuk melalui penghayatan terancang ilmu sejarah dan warisan.
5. Kita harus cepat memperbaiki pengabaian ini dengan intervensi kerajaan dengan memberi perhatian serius untuk merawat kedudukan sejarah di sekolah. Galakan perlu diberikan kepada pertubuhan NGO seperti PSM dengan peruntukan dana tertentu untuk memperhebatkan aktiviti warisan dalam kalangan anak muda. Tetapi yang tidak kurang penting ialah memperbaiki status Jabatan sejarah di universiti yang telah merosot kedudukannya lantaran tergabung dalam bidang kelompok ilmu yang disatukan. Mana-mana yang telah ditutup atau dipersatukan ini harus disusun semula balik kepada badan *autonomous* yang mempunyai identiti sendiri dan lebih daya produktif.
6. Galakan harus diberi kepada anak-anak muda yang ingin menceburi dunia keserjanaan baik sebagai pengkaji sejarah maupun sebagai keguruan di universiti dan kolej dengan cara menyediakan dana pascasiswazah yang lumayan untuk belajar di universiti-universiti mahsyur dalam pengajian sejarah di dunia. JPA sendiri harus memperuntukkan sekurang-kurangnya beberapa hadiah prestij dan Biasiswa Raja-Raja Melayu kepada siswazah muda dalam bidang sains sosial. Dengan cara begini kita akan dapat mencapai kemajuan yang lebih cepat dalam usaha membangun bangsa kita dalam soal memperkukuh semangat kesolidaran serta patriotisme yang mantap sebagai sebuah negara bangsa.
7. Kepada rakan karib saya, Tan Sri Elyas Omar saya ucapkan berbanyak terima kasih kerana sudi juga datang menyahut undangan kita. Demikian sebenarnya semangat dan kecekan Tan Sri Elyas sejak saya kenal beliau di bangku sekolah dahulu, sama-sama memasuki universiti di Singapura, kemudian mengembangkan profesion masing-masing - beliau dalam MCS dan saya dalam pendidikan. Bintangnya terang kerana kelincahan dan kejujurannya beliau menjadi *blue-eyed boy* ramai boss. Keahliannya ialah dalam bidang pengurusan, membangun institusi seperti INTAN dan mengurus manusia.
8. Orang tidak akan dapat lupa beliau sebagai Datuk Bandar yang lama dan berpengaruh, banyak membuat bakti memajukan Kuala Lumpur. Juga sebagai seorang ketua yang pro-kebaikan rakyat Wilayah Persekutuan. Secara sulit beliau berahsia dengan saya, mengakui beliau bertanggungjawab melahirkan beberapa orang jutawan Melayu dan *billionaire* bukan Melayu. Ini pun kita tidak sentuh keterlibatannya yang gemilang dalam kepimpinan sukan – bolasepak dan badminton. Beliau bertanggungjawab dengan kejayaan Malaysia dalam badminton dan berjaya membawa balik Piala Thomas ke Malaysia pada tahun 1992.
9. Hubungan Tan Sri Elyas dengan PSM bukan hanya kerana hubungan dengan Pengerusinya tetapi sudah lama terjalin sejak PSM mengadakan rundingan dengan DBKL ketika Tan Sri menjadi Datuk Bandar. Perbincangan antara dua pihak ini kerana PSM hendak memajukan tanahnya yang kita berada sekarang. Tan Sri mencadangkan supaya di tanah 2.3 ekar ini dibangunkan bangunan bagi menempatkan sebuah cultural complex untuk Wilayah Persekutuan, dan sebuah bangunan asing akan didirikan untuk PSM. Semua dana akan ditanggung DBKL. Cadangan ini tidak diteruskan kerana Tan Sri meninggalkan DBKL dan PSM terpaksa mencari alternatif lain iaitu dengan membangunkan tanah dengan upaya kita sendiri. Kita telah memperolehi wang dari penjualan separuh tanah PSM kepada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan yang kemudian mendirikan hospital Islam – PUSRAWI. Kita sendiri dengan ikhtiar dan susah payah tanpa bantuan luar berjaya mendirikan Wisma Sejarah yang kami semua amat megah sekali.

10. Sekarang ini Tan Sri Elyas sudah 'bersara', tetapi beliau ini tidak dapat duduk-duduk sahaja. Beliau sibuk dalam bidang perniagaan dan perundingan. Jangan hairan jika kita akan mendengar rancangan-rancangan luar biasa besar dan di sebalik tabirnya terdapat Tan Sri Elyas Omar.
11. PSM melalui program Sejarah Lisan mempunyai projek mengabadi jasa tokoh-tokoh besar yang berjasa kepada tanah air. Tan Sri Elyas adalah antara ikon awal dan PSM telah menemubualnya bagi mendapat pengkisahan riwayat hidup dan pengalaman dan pemikirannya. Hasilnya akan dibukukan dan diterbitkan nanti untuk tatapan pembaca dan peminat yang ingin mengetahui tokoh ini dengan lebih mendalam lagi

Tuan dan Puan-Puan,

12. Majlis ini juga merupakan majlis kesyukuran. Biasanya kita adakan pada 30 April iaitu tarikh pengasasan PSM. Pada hari ini PSM sudah menjangkau 62 tahun – sudah besar, matang, sudah terkenal sebagai badan sejarah awam yang bergerak aktif dalam kalangan masyarakat. Ia sudah punya bangunan sendiri – Wisma Sejarah yang dicemburui oleh NGO lain. PSM sudah berani bergerak di luar negara, menubuh jaringan kerjasama dengan Filipina dan Indonesia khususnya dalam kerangka yang lebih besar iaitu ASEAN. Saya dan enam orang rakan baru pulang dari menyertai satu seminar penting di Bukit tinggi, khas untuk ahli sejarah bersama Filipina dan Indonesia.
13. Pencapaian kita semua ini adalah usaha ramai penggiat-penggiat dalam PSM di pusat dan di negeri. Majlis kesyukuran ini diadakan untuk mengenang sumbangan mereka. Pada saat ini saya menadah tangan kesyukuran ke hadrat Allah SWT atas keberkatan yang diberikan kepada kita untuk menggerak badan PSM ini melalui kejayaan-kejayaan yang cemerlang dalam satu perjuangan jihad yang mendesak. Syukur *Alhamdulillah*
14. Akhir sekali saya bagi PSM mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada penerima Pingat Emas PSM 2014 dan berharap mereka akan memandang pingat ini hanya merupakan token kecil tetapi penghargaan dan harapan yang besar dari PSM kepada saudara-saudari. Sekali lagi kami berasa amat dimuliakan dengan kehadiran tokoh yang disanjung, Tan Sri Elyas Omar untuk menyempurnakan satu acara PSM pada pagi ini. Kita berdoa Allah akan terus memberkati beliau kesejahteraan dan sihat walafiat sepanjang masa.

Sekian Wassalamu'alaikum WBT.